



Membangunkan Ekonomi dan Negara Madani

Saban hari kita mendengar keluhan rakyat menghadapi situasi peningkatan harga barang. Ekonomi semasa masih berada dalam keadaan suram pasca-COVID-19, manakala pendapatan pula tidak meningkat tinggi berbanding dengan perbelanjaan. Inflasi mengurangkan kuasa beli isi rumah dan rakyat dinasihatkan supaya berbelanja secara berhemah. Golongan muda pula masih terkial-kial untuk menembusi pasaran pekerjaan selepas menamatkan pengajian kesan daripada kelembapan

ekonomi. Kita mengimpikan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Namun, tenaga kerja muda terus bergelut dan menceburi ekonomi gig sebagai sumber ekonomi mandiri.

Malaysia MADANI

Badai iklim politik negara mutakhir ini bagai seiring dengan perubahan iklim dunia. Harapan rakyat menantikan polisi ekonomi yang meringankan beban demi meneruskan kehidupan masih belum menampakkan hasil yang

pasti. Kisah bekalan ayam dan telur terkadang menghiburkan rakyat yang melihat telatah pemimpin dan peniaga saling berkokok. Dasar Malaysia MADANI berteraskan ekonomi manusiawi lantas muncul dengan agenda pembasmian kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi dan pemulihan serta penjaan ekonomi yang dipacu industri perusahaan kecil dan sederhana di samping pelaburan asing. Visi baharu dicipta dengan akronimnya tersendiri - keMampanan, kesejahteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan lhsan.

Rakyat yang masih bergelumang dalam suasana ekonomi suram dipersembahkan dengan jenama Malaysia MADANI. Media sosial pantas mempamerkan barisan kepimpinan terdahulu dengan slogan masing-masing; Bangsa Malaysia, Islam Hadhari, 1Malaysia, Malaysia Baharu, Malaysia Prihatin, Keluarga Malaysia dan terkini, Malaysia MADANI. Persoalan yang bermain-main dalam minda rakyat adalah adakah pengenalan Malaysia MADANI benar-benar satu penghijrahan untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih baik? Atau sekadar satu lagi slogan kreatif dalam garis masa politik negara?

Kandungan naskhah "Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi" diakhiri dengan senarai dasar untuk membina Malaysia yang lebih baik. Antaranya termasuklah reformasi

percubaian yang sistematik agar hasil kutipan dapat disalurkan untuk kebajikan rakyat seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan awam dan sebagainya. Golongan yang bakal terkesan adalah mereka yang berpendapatan RM11 000 ke atas. Selain itu, sistem penjagaan kesihatan yang merangkumi keperluan kesihatan akal dan jasmani dengan pendekatan berdaya cipta terhadap farmaseutikal dan rawatan akan dibangunkan. Sistem bantuan penjagaan kesihatan nasional atau skim insurans kesihatan nasional yang bersesuaian juga akan diperkenalkan.

Kerajaan juga akan mewujudkan undang-undang bagi meletakkan asas pada kadar upah atau gaji yang berruarah bagi menjamin kelangsungan hidup untuk semua rakyat. Skim pencen sosial yang lebih luas pula merangkumi golongan petani, keluarga dan pekerjaan yang inovatif dalam ekonomi gig juga akan diwujudkan. Bagi membantu golongan berpendapatan rendah, dana khas akan diperuntukkan untuk perumahan mampu milik manusiawi dan mampan bagi individu dan keluarga yang berpendapatan rendah serta buruh asing. Bayaran tol akan dimansuhkan untuk golongan B40 dengan menyediakan Pas Tol digital. Skim bayaran tol untuk golongan M40 dan T20 pula akan disemak semula.

Kerajaan juga akan melaksanakan Pelan Reformasi Kurikulum Pendidikan. Skim jaminan mutu di universiti diperkenalkan sebagai perancangan untuk mengubah dan memodenkan sistem universiti. Bayaran balik pinjaman kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan dimansuhkan bagi golongan B40. Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada dasar utama yang berteraskan kerangka MADANI. Tidak dinafikan sebahagian senarai yang dinyatakan dalam kerangka MADANI itu telah dilaksanakan dan hanya menuntut komitmen bagi penambahbaikan terutama dalam aspek pelaksanaan yang lebih berkesan.

Kebersamaan dalam merealisasikan Malaysia MADANI

Pembangunan ekonomi dan negara ke arah yang lebih baik, pastinya kesemua pemimpin mempunyai visi mereka tersendiri, baik pada masa lepas mahupun akan datang: Kayu pengukur utama yang membezakan setiap pemimpin bukan sahaja terletak pada visi dan strategi pelaksanaannya, tetapi juga integriti dan warisan ketamadunan yang ditinggalkan. Justeru, Malaysia MADANI akan memperkenalkan inisiatif seperti audit hak asasi manusia, audit alam sekitar dan kemampanan, jaminan kebebasan badan kehakiman dan reformasi institusi pengawasan terhadap amalan rasuah. Kejayaan negara memerlukan iltizam daripada semua pihak dan bukan hanya kerajaan atau penggubal polisi. Dasar dan polisi yang sempurna tidak akan berjaya membina masyarakat madani jika pelaksanaannya tidak dipantau dengan teliti. Rakyat juga perlu memainkan peranan untuk memajukan negara. Kemajuan negara tidak akan tercapai jika rakyat memiliki tahap pemikiran kelas ketiga walaupun dibekalkan dengan kemudahan bertaraf kelas pertama.

Sistem pendidikan sepanjang hayat merupakan asas peradaban

masyarakat madani. Kemampanan ekonomi hanya akan membuahkan hasil jika negara ditunjangi oleh pemimpin berintegriti tinggi, budaya berinovasi dengan teknologi manusiawi dan amalan gaya hidup rakyat yang mesra alam. Pendidikan semata-mata tidak mencukupi jika tidak disusuli dengan pelaksanaan. Jurang antara pengetahuan dan pelaksanaan ini perlu diteliti secara holistik. Dari satu sudut, kegagalan dalam pelaksanaan mungkin disebabkan oleh kualiti pendidikan yang tidak memenuhi sasaran. Namun begitu, kegagalan dalam pelaksanaan juga boleh disebabkan oleh faktor persekitaran atau insentif pasaran yang tidak bersesuaian sehingga menyebabkan pengetahuan atau kemahiran yang ada tidak dimanfaatkan.

Harapan Rakyat dalam Pembangunan Ekonomi Negara

Rakyat pastinya menyambut baik usaha tampuk kepimpinan membina Malaysia MADANI. Sungguhpun demikian, rakyat mahukan pelaksanaan kerangka tersebut melalui polisi dan dasar kerajaan. Kedegaran desas-desus yang mempertikaikan formula MADANI itu sendiri dengan akronimnya yang sukar diingati apatah lagi untuk difahami dan



bagi membentuk Masyarakat Adil Dan Ihsan (MADANI) pastinya memudahkan proses penentuan harga yang adil antara pengeluar dan pengguna apabila harga ihsan atau harga kasih sayang dibudayakan.

Selain daripada formula MADANI, jentera bagi menggerakkan pembangunan ekonomi madani juga memerlukan dasar, polisi dan pelan tindakan yang jelas. Tampuk pimpinan politik yang silih berganti dalam jangka masa yang singkat menyebabkan pelaksanaan agenda ekonomi terkesan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Secara tidak langsung, situasi itu juga menjejaskan pelaksanaan ekonomi dalam jangka panjang. Selain itu, ketidakstabilan politik boleh menyebabkan pelabur asing kurang berminat untuk melabur dalam negara. Agenda pelaksanaan pembangunan ekonomi dan negara madani memerlukan pelan perancangan jangka panjang yang kukuh supaya pemimpin tidak perlu membuang masa untuk membuat perancangan baharu. Ironinya, fokus boleh diberikan kepada pelaksanaan yang lebih sistematik dan efisien, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur asing seiring dengan tahap kecekapan ekonomi negara.

Lumrah ekonomi akan ada pasang surutnya. Jika pemimpin dan rakyat saling berganding bahu menggalas tanggungjawab membina masyarakat madani, tidak mustahil untuk Malaysia menjadi negara maju dengan model ekonomi dan acuan peradabannya yang tersendiri. Rakyat pastinya menantikan pengumuman Pelan Pemulihan MADANI yang mampu memperkasa ekonomi mandiri dan merencanakan sektor industri. Semoga arus perubahan yang melanda negara dan cabaran ekonomi dunia menjadi pemangkin untuk Malaysia melakukan anjakan paradigma ke arah ekonomi manusiawi dan masyarakat madani. ^{ENK}

Suzana Md Samsudi ialah Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

dihayati. Sebagai contoh, huruf A untuk "kesejahteraan" dan "hormat" mungkin mengelirukan untuk akronim MADANI. Akronim MADANI mungkin boleh diringkaskan kepada "Masyarakat Adil Dan Ihsan". Perpaduan menjadi teras kepada sistem masyarakat yang adil, manakala ihsan sebagai lambang toleransi ke arah mencapai ekonomi manusiawi. Pemimpin dan sistem pemerintahan yang adil dapat memacu ekonomi ihsan.

Kita dapati bahawa Malaysia MADANI membawa semangat perpaduan kaum yang hampir sama dalam konteks semasa apabila menelusuri Piagam Madinah pada zaman Rasulullah SAW. Proses untuk memajukan ekonomi negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang berbeza budaya dan pegangan agama menuntut kebijaksanaan, keadilan dan toleransi yang tinggi. Antara isi kandungan Piagam Madinah ialah kaum Yahudi hendaklah bersama-sama dengan kaum Mukmin untuk memajukan negara dan saling tolong-menolong demi mempertahankan keselamatan negara dalam perspektif ekonomi.

Jelas Piagam Madinah menzahirkan perpaduan kaum yang berbeza pegangan agama untuk kerukunan hidup dalam

sebuah negara. Perpaduan itu hanya boleh direalisasikan jika wujud keadilan dan budaya saling menghormati hak sesama manusia. Seterusnya, puncak perpaduan boleh tercapai jika kaum yang berbeza saling kenal-mengenal hingga wujud kasih sayang dan bukan sekadar saling menghormati. Misalnya, perpaduan yang wujud hasil daripada perkahwinan campur antara keluarga yang berbeza agama sehingga akhirnya melahirkan generasi masyarakat yang berasimilasi budaya. Proses ini seterusnya akan mencorakkan ekonomi manusiawi berlandaskan ihsan setelah perpaduan dan kasih sayang tersemat dalam masyarakat.

Bagi mencapai visi masyarakat yang saling menghormati dalam rukun Malaysia MADANI, antara langkah yang dinyatakan termasuklah pelaksanaan penentuan harga baharu bagi menyuburkan rasa hormat sepanjang proses penuh dari ladang ke meja makan (*farm-to-table*), sekaligus menghapuskan ruang yang ada untuk amalan rasuah dan ketirisan. Dalam hal ini, sistem yang "adil" dapat dilihat melalui kaedah penentuan harga yang saksama antara peladang, pengilang, peniaga dan pengguna. Walau bagaimanapun, budaya "ihsan"